

KEWAJIPAN PERTAHANKAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا
هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala,

Kewajipan mempertahankan agama, bangsa dan negara adalah tanggungjawab kita bersama. Kita semua sedia maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang menobatkan Islam sebagai agama persekutuan. Allah Subhanahu Wa Taala berfirman dalam surah Ali Imran ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*”

Allah telah menjamin kesempurnaan ajaran Islam itu dengan firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Yang bermaksud: “*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagimu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu, dan Aku telah redai Islam itu menjadi agamamu.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala,

Sebagai seorang muslim, kita diperintahkan untuk mempertahankan Islam dan memelihara maruah umat Islam. Dalam konteks negara kita di Malaysia, kita mestilah mengatur strategi mengikut kemampuan masing-masing untuk memelihara dan mempertahankan Islam dalam kerangka Perlembagaan Malaysia. Pada masa yang sama, pendekatan yang berhemah dan berhikmah mestilah ditonjolkan untuk menegakkan Islam sesuai dengan perintah Allah Subhanahu Wa Taala dalam dalam Surah al-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُم بِالتِّي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Yang bermaksud: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dia lah yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala

Islam juga memerintahkan kita untuk mempertahankan tanah air. Oleh itu, menjadi kewajipan kita sebagai rakyat Malaysia memelihara kedaulatan negara ini sebagai sebuah negara Islam dan mempertahankan cara hidup Islam yang telah sekian lama diamalkan supaya ia sentiasa terpelihara dan tidak dicabuli oleh pihak lain dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Namun bangsa lain turut bebas untuk mengamalkan cara hidup dan adat mereka dengan aman damai dan harmoni di negara ini .

Janganlah ada di kalangan kita yang bersikap mementingkan diri sendiri dan politik mereka lebih daripada mempertahankan negara dan umat Islam sehingga membiarkan keharmonian dan kedaulatan negara kita terancam. Allah Subhanahu Wa Taaala telah memberi peringatan kepada kita melalui firman-Nya dalam Surah al-An’am ayat 123:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا فِي كُلِّ قَرْيَةٍ أَكْبَرًا مُجْرِمِيهَا لِيَمَّا كُرُوا فِيهَا

وَمَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنْفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

Yang bermaksud: “Dan demikianlah Kami telah jadikan dalam tiap-tiap negeri para pembesar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu, dan tidaklah mereka memperdayakan selain daripada diri mereka sendiri sedangkan mereka tidak menyedarinya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala

Bangsa Melayu adalah penduduk asal Malaysia yang telah menetap di negara ini sejak berkurun yang lalu. Oleh itu, membantu dan memperjuangkan hak-hak istimewa dan nasib bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang telah banyak berjasa dalam membangun dan mempertahankan negara kita Malaysia tidaklah menjadi satu kesalahan selagimana ia tidak menzalimi bangsa-bangsa lain dan tidak berasaskan *asobiyyah* (perkauman). Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud.

لَيْسَ مِنَّا مَنْ دَعَا إِلَى عَصَبِيَّةٍ وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ قَاتَلَ عَلَى عَصَبِيَّةٍ
وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ مَاتَ عَلَى عَصَبِيَّةٍ

Yang bermaksud: *Bukanlah termasuk golongan kami orang yang mengajak kepada asobiyyah dan bukan daripada kalangan kami orang yang berperang kerana asobiyyah dan bukan daripada kalangan kami orang yang mati kerana asobiyyah.*

Begitu juga dalam konteks Perlembagaan Malaysia yang meletakkan bangsa dan Raja-Raja Melayu menjadi pemimpin utama kepada semua kaum di negara ini yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan dan lain-lain tidak sepatutnya dipertikaikan oleh bangsa-bangsa lain kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah melantik peribumi daripada kabilah Quraisy sebagai pemimpin mereka untuk menyatupadukan penduduk di Semenanjung Tanah Arab yang pada ketika itu terdiri daripada berbilang kabilah.

Marilah kita bersama-sama kembali mengamalkan ajaran Islam supaya kita dapat pertolongan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Taala antaranya mengimarahkan masjid dengan bersolat jemaah lima waktu. Mudah-mudahan dikekalkan nikmat keamanan dalam kalangan kita dan dijauhi segala malapetaka yang boleh menjejaskan usaha untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.

Marilah sama-sama kita merenung firman Allah Subhanahu Wa Taala di dalam Surah al-Baqarah ayat 126:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ
مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ^ط قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمْتِعْهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ
النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ^ط

Yang bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, yaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman:" (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali."

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.